



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jld. 45**

**1 Februari 2001**

**No. 3**

---

---

**No. 18.**

AKTA PEMELIHARAAN TANAH 1960  
(Seksyen 3)

LAND CONSERVATION ACT 1960  
(Section 3)

Adalah dengan ini diberitahu bahawa Yang di-Pertua Negeri dalam Majlis membatakan pengisytiharan tanah bukit setakat yang berkenaan seperti yang dijadualkan di bawah ini dipetakan di atas Peta No. PW 669 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang yang mana telah diisyiharkan sebagai tanah bukit sepihama yang diwartakan menurut Kenyataan *Warta* No. 4 bertarikh 5 September 1957.

It is hereby notified that Yang di-Pertua Negeri-in-Council revokes the declaration of hill land in so far as it relates to land as scheduled hereto and delineated upon Plan No. PW 669 as deposited in the Office of Director of Survey, Penang which has been declared to be hill lands *Vide Gazette* Notification No. 4 dated 5th September 1957.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah—Seberang Perai Tengah; No. Lot—4948; Mukim—15; No. & Jenis Hakmilik—H.S.(D) 1323; Keluasan—95200 Meter Persegi.

Bertarikh 12 Januari 2001.

Dated 12 January 2001.

[PTG/TB/SPT/64(7); PTSPT/TB/36(23).]

NG WEE KOK,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Pulau Pinang

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

18

[1 Feb. 2001]

## No. 19.

Adalah dengan ini diberitahu bahawa Yang di-Pertua Negeri dalam Majlis membatalkan pengisytiharan tanah bukit setakat yang berkenaan seperti yang dijadualkan di bawah ini dipetakan di atas Peta No. PW 667 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang yang mana telah diisyiharkan sebagai tanah bukit sepetimana yang diwartakan menurut Kenyataan *Warta* No. 4 bertarikh 5 September 1957.

It is hereby notified that Yang di-Pertua Negeri-in-Council revokes the declaration of hill land in so far as it relates to land as scheduled hereto and delineated upon Plan No. PW 667 as deposited in the Office of Director of Survey, Penang which has been declared to be hill lands *Vide Gazette* Notification No. 4 dated 5th September 1957.

### JADUAL/SCHEDULE

Daerah—Seberang Perai Tengah; No. Lot—1314; Mukim—14; No. & Jenis Hakmilik—GM 925; Keluasan—0.1741 Hektar.

Bertarikh 12 Januari 2001.

Dated 12 January 2001.

[PTG/TS/SPT/521(8); PTSPT/E/729(30).]

NG WEE KOK,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Pulau Pinang

## KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 Tahun 1965)

## No. 20.

### (Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran telah hilang

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1 Feb. 2001]

19

## JADUAL

Mukim—9, Seberang Perai Tengah; No. Lot—1826 dan 1827; Jenis dan No. Hakmilik—Geran Mukim No. 393 dan Geran Mukim No. 394; Luas—492 Meter Persegi dan 248 Meter Perseggi.

Bertarikh 22 Disember 2000.  
[PTSPT/D/1457.]

HALIMAHTON BINTI RAHMAT,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Tengah,  
Bukit Mertajam

## No. 21.

(Seksyen 175D)

NOTIS BAHAWA DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR SEMENTARA ADALAH  
TERBUKA UNTUK DIPERIKSA

Notis adalah dengan ini diberi bahawa dokumen hakmilik daftar sementara mengenai tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah sekarang terbuka untuk diperiksa di Pejabat Pendaftar di Tingkat 21, Komtar, 10000 Penang dan boleh diperiksa dalam waktu pejabat biasa tanpa dikenakan bayaran.

Mana-mana orang atau badan yang ada mempunyai apa-apa kepentingan atas tanah yang tersebut boleh membantah terhadap apa-apa catatan di dalamnya atau ketinggalan apa-apa catatan di dalamnya mengikut seksyen 175E dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis ini disiarkan dalam *Warta*.

## JADUAL

Daerah—Daerah Timur Laut, Pulau Pinang; Bandar—Seksyen 1, Georgetown;  
Perihal dan No. Hakmilik—Geran No. 7120 Sekarang Menjadi Geran No. 60998; No. Lot—745; Luas—3060 Kaki Perseggi; Tuan Punya Berdaftar—Lim Guat Imm dan Quah Kim Eam.

Bertarikh 9 Disember 2000.  
[PTG/PP/DHM/Jld. 1.]

HASAN BIN SAAD,  
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah,  
Negeri Pulau Pinang

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

20

[1 Feb. 2001]

---

## No. 22.

(Seksyen 187B)

### NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN SURATAN HAKMILIK SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik sementara yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini atas sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran telah hilang

#### JADUAL

Mukim—11, Seberang Perai Tengah; No. Lot—5737; Jenis dan No. Hakmilik—Suratan Hakmilik Sementara HS(M) 1177; Luas—146 Meter Persegi.

Bertarikh 22 Disember 2000.  
[PTSPT/D/1458.]

HALIMAHTON BINTI RAHMAT,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Tengah,  
Bukit Mertajam

## No. 23.

(Seksyen 263)

### PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Haji Mohd. Saad bin Haji Sulaiman, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan.

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 27 Februari 2001 jam 10.00 pagi, di Pejabat Tanah, Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam;
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM160,000.00.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1 Feb. 2001]

21

2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM194,054.42 sehingga 4-12-2000.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Mukim 8, Seberang Perai Tengah; No. Lot/Petak/P.T.—Lot 1175; Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 43; Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Persn. No. 1030/93 Jilid No. 79 Folio No. 59 dan 1502/95 Jilid No. 103 Folio No. 46.

Bertarikh 21 Disember 2000.  
[PTSPT/D/1420.]

HAJI MOHD. SAAD BIN HAJI SULAIMAN,  
Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Tengah,  
Bukit Mertajam

### PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.  
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA